

# Muszaphar selamat m

## Kapsul pendaratan dinaiki angkasawan negara, dua krew t

B.H 22/10/07 NRS 1

Laporan

A Halim Yusof

Gambar

Rosli Rahmat

Di Moscow



**A**NGKASAWAN pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha selamat kembali ke bumi semalam apabila kapsul kapal angkasa Soyuz TMA-10 yang membawanya pulang, mendarat mengikut jadual dekat bandar Arklyk, Kazakhstan, petang semalam.

Soyuz mendarat tepat jam 2.37 petang waktu tempatan atau 6.37 petang di Malaysia selepas meninggalkan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada jam 11.15 pagi (3.15 petang, Malaysia) untuk perjalanan selama tiga jam 23 minit ke bumi.

Selain angkasawan Malaysia, kapal angkasa itu turut membawa bersamanya krew Ekspedisi ke-15 di ISS iaitu dua angkasawan Russia, Fyodor Yunchikin dan Oleg Kotov yang sudah berada di sana sejak enam bulan lalu.

Pemeriksaan kesihatan kecemasan yang dilakukan sebaik pasukan penyelamat menemui kapsul pendaratan itu, kira-kira 420 kilometer dari lokasi sasaran awal, mendapati kesihatan Dr Sheikh Muszaphar dan semua krew Soyuz berada dalam keadaan baik.

Sejurus kemudian, ketiga-tiga krew itu dibawa ke Kustanai, bandar di sempadan Kazakhstan-Russia sebelum diterbangkan sejauh 1,500km ke Lapangan Terbang Chkalovsky milik tentera Russia berhampiran Star City di sini.

Ketibaan Dr Sheikh Muszaphar dan dua lagi krew berkenaan disambut delegasi pegawai kanan misi terbabit termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada jam 8.15 malam (12.15 pagi, Malaysia).

Hadir sama dalam pertemuan 15 minit itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; Duta Malaysia ke Russia, Datuk Mohamad Khalis Ali Hassan serta bapa Dr Sheikh Muszaphar, Datuk Sheikh Mustapha Sheikh Shukor dan ibunya, Datin Zuraida Sheikh Ahmad.

Najib yang mengetuai delegasi Malaysia bagi menyambut kepulangan Dr Sheikh Muszaphar sebelum itu




**KEADAAN BAIK:** Dr Sheikh Muszaphar menunjukkan isyarat bagus sejurus tiba di Kustanai, Kazakhstan dengan helikopter selepas dibawa dari tempat kapsul pendaratan mendarat, semalam. ● Lagi berita, gambar di muka 3 dan 4

# mendarat

tersasar 420 kilometer



**BERPISAH:** Angkasawan negara mengucapkan selamat tinggal kepada krew ISS.



**SEDIA BERLEPAS:** Dr Sheikh Muszaphar masuk ke kapsul pendaratan.



**MISI SELESAI:** Dr Sheikh Muszaphar melambai kepada krew penyelamat sebaik keluar dari kapsul Soyuz TMA-10 selamat mendarat, semalam.

REUTERS